



SIARAN AKHBAR
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

ACARA PELANCARAN SUSTAIN AND CHANGE ART EXHIBITION

- 1. Bandar Seri Begawan, 31 Julai 2023** – Majlis Pelancaran *Sustain and Change Art Exhibition* telah berlangsung hari ini bertempat di Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer. Acara ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan *Kunyit 7 Lodge* yang mana bertujuan untuk mempromosikan dan menarik pengunjung ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer.
- 2.** Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan majlis tersebut ialah Yang Behormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya British ke Negara Brunei Darussalam; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan dan para pelukis tempatan.
- 3.** *Sustain & Change Art Exhibition* ini memfokuskan kepada pameran kesenian dan lukisan oleh para pelukis tempatan khususnya yang memperkenalkan ciri-ciri suasana Kampong Ayer sesuai dengan pengisian pameran yang sedia ada di galeri tersebut. Melalui acara ini akan dapat mempromosikan seni dan budaya di Negara Brunei Darussalam dengan meningkatkan kemahiran kreatif di kalangan pelukis tempatan dan memberikan platform untuk memperkenalkan lukisan mereka.
- 4.** Dayangku Kemariah binti Pengiran Haji Duraman melalui ucapannya mengongsikan bahawa melalui seni akan dapat memberikan kefahaman yang mendalam terhadap masyarakat tentang sejarah Kampong Ayer. Menurutnya lagi, melalui seni akan mampu meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap isu sosial dan merupakan salah satu cara untuk menyatupadukan hati masyarakat tanpa mengira latar belakang dan bangsa. Beliau seterusnya merakamkan penghargaan kepada para pelukis tempatan dan antarabangsa atas penyertaan dalam pameran kali ini serta sumbangan yang telah diberikan dalam mengongsikan karya mereka di pameran dalam dan luar negara.

5. Pameran ini telah mula dibuka buat kunjungan orang ramai sejak 29hb. Julai sehingga 15hb. Ogos 2023. Seramai 26 orang pelukis tempatan dan 2 orang pelukis antarabangsa terlibat dalam acara pameran yang menyentuh mengenai budaya kehidupan dan kewujudan Kampong Ayer. Manakala sebanyak 40 hasil lukisan kreatif dipamerkan yang mana juga dijual kepada orang ramai dan pengunjung yang berminat.

-tamat-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Bahagian Promosi dan Pemasaran
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan